

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGKAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ  
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

**SOALAN**

**Minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI jelaskan** adakah wujud kajian keberkesanan kesemua program keusahawanan yang dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi-agensinya khususnya bagi membantu usahawan yang teruk terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan. Apakah dapatan daripada kajian tersebut dan tindakan Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sedang melaksanakan kajian keberkesanan bagi menilai keberhasilan program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh MEDAC bagi membantu usahawan yang terjejas. Ini memandangkan kebanyakan kebanyakan inisiatif yang ditawarkan oleh Kerajaan khususnya di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) baru bermula September 2020 dan usahawan masih dalam proses pemulihan. Kajian keberkesanan ini dijangka akan selesai pada akhir November 2020.

2. Walaubagaimanapun, MEDAC telah melaksanakan soal selidik ke atas usahawan yang terjejas akibat COVID-19 bagi mendapatkan maklum balas awal mengenai kesan dan keberkesanan inisiatif yang dilaksanakan.

3. Antara dapatan hasil soal selidik yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) 42.50% menyatakan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan bagi menangani kesan COVID-19 adalah efektif;
- (ii) 59.47% usahawan bersetuju terdapat keperluan bagi mendigitalisasikan perniagaan terutamanya dari segi pemasaran digital dan jualan atas talian;
- (iii) sebanyak 45.76% perusahaan telah mula menggunakan platform eDagang sebagai alternatif kepada akses pasaran. Walaubagaimanapun, hanya 19.02% perniagaan telah mengadaptasi teknologi dan digital dalam operasi perniagaan mereka; dan
- (iv) antara lima (5) inisiatif/program yang telah memberi manfaat kepada usahawan adalah Pembiayaan PKS, Kempen eDagang, Geran Padanan Digital dan Dana Transformasi Teknologi;

**NO. SOALAN : 313**

4. Hasil daripada dapatan ini, MEDAC telah membangunkan Pelan Pemulihan Usahawan dan Koperasi yang akan memberi manfaat kepada lebih 20,000 penerima merangkumi usahawan mikro, perusahaan kecil sederhana, usahawan sosial dan koperasi. Strategi jangka panjang di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12) juga turut mengambil kira usaha pemulihan usahawan ini. Pelan ini menggariskan 6 strategi utama bagi menyokong kestabilan ekosistem keusahawanan, memulihkan operasi perniagaan usahawan dalam tempoh segera dan memastikan usahawan kekal berdaya saing dan mampan. Strategi-strategi yang dirangka adalah seperti yang berikut:

- (i) meningkatkan keyakinan rakyat;
- (ii) memperkasakan keupayaan dan kapasiti;
- (iii) meningkatkan akses dan bantuan pembiayaan;
- (iv) meningkatkan penggunaan teknologi;
- (v) membuka dan memperluaskan pasaran; dan
- (vi) menyampaikan perkhidmatan berkesan.

Sekian, terima kasih.